

ZAMAN LEDAKAN MAKLUMAT DAN KEMAJUAN PENGETAHUAN DALAM KERANGKA PANDANGAN HIDUP ISLAM

Mohd Sani Badron¹

Khulasah

Zaman ledakan maklumat menerbitkan masalah “berlebihan maklumat” dan “lebih muatan maklumat”. Soal pokok adalah, manusia sekarang rimas sentiasa menghadapi terlalu banyak pilihan maklumat; malahan, naluri kemanusiaan boleh lemas dilanda arus deras maklumat. Pemecahan kepada masalah ini terdiri daripada memahami pertamanya, perbezaan antara maklumat, pengetahuan, kefahaman, dan kebijaksanaan, keduanya, bahawa untuk memahami ilmu yang sebenar perlu kepada adab terhadap ilmu, selaras dengan keligatan pembahagian ilmu *fardu ‘ayn-ilmu fardu kifayah*.

Katakunci: Ledakan maklumat, “kesan berlebihan maklumat”, “lebih muatan maklumat”; maklumat, pengetahuan, kefahaman, kebijaksanaan; Adab terhadap ilmu; ilmu *fardu ‘ayn-ilmu fardu kifayah*.

¹ Fellow Kanan/ Pengarah, Pusat Ekonomi dan Kajian Sosial, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Abstract

An era of information explosion correlates with the problems of “too much information effect” and “the information overload”. The fundamental issue is that, humankind has too many choices of information, too much of the time; human beings are even informing themselves to the death of their humanity. Its solution lies in grasping the basic idea that, firstly, there is difference between information, science, understanding, and wisdom, secondly, in order that it could be properly understood, true knowledge requires adab towards it, which accords with *fardu ‘ayn-fardu kifayah* epistemological dynamism.

Key Words: Information explosion, “too much information effect”, “the information overload”; information, science, understanding, wisdom; Adab towards knowledge; *fardu ‘ayn* knowledge-*fardu kifayah* knowledge.

Pengenalan

Kita hidup dalam zaman pancaroba “ledakan maklumat”. Di negara-negara yang maju teknologi maklumat dan perhubungannya, seperangkat permasalahan yang mendasar telah timbul, dan penyelesaiannya hangat diperdebat.

Makalah ini akan menyorot beberapa sumber Barat mengenai persoalan pokok “letupan maklumat” dalam ruang-lingkup kemajuan ilmu. Sekadar satu contoh, lewat bukunya *The Idea of Progress*, Charles Van Doren menyatakan terdapat kesepakatan di kalangan ramai pemikir Barat bahawa,

...the present age is an era of particularly marked progress in this regard [i.e., knowledge of external nature, of subjects accessible to sense or reasoning].

It is almost a commonplace that the mid-twentieth century is the scene of a *knowledge explosion*.²

Dalam penelitian penulis, jawapan-dasar Kebudayaan Barat mengenai pandangan alam yang diperlukan dalam menangani mauduk “ledakan maklumat” sangatlah berkekurangan daripada memuaskan dahaga akal, kalbu dan pemikiran. Justeru, beberapa pedoman dari Peradaban dan Tamadun Islam akan dipertegas dalam merencana dan menentukan langkah-langkah perlu yang seterusnya.

Seperangkat Permasalahan Ledakan Maklumat

Kalau letupan bom akan membunuh, mencedera atau menyebabkan mangsa kebingungan, ledakan maklumat pula didapati telah mendatangkan “Kesan Berlebihan Maklumat” (*Too Much Information [TMI] Effect*) atau keadaan “Lebih-Muatan Maklumat” (*The Information Overload / TIO*).³

Dari masa ke masa, maklumat yang dirakam dan dihasilkan bertambah secara yang sangat banyak melimpah-ruah yang tergambar dalam beberapa contoh berikut. Pertama, secara purata, 800 *Megabytes* maklumat yang dirakamkan terhasil bagi setiap manusia dalam setiap tahun. Kedua, dengan fakta 300,000 buku baru diterbitkan tiap-tiap tahun, adalah diramalkan satu hari nanti perpustakaan tidak lagi mempunyai ruang untuk buku kerana sudah dipenuhi dengan kertas katalog sahaja! Ketiga, sumber maklumat terdapat dalam pelbagai bentuk, bukan sahaja buku dan jurnal, tetapi juga jurnal elektronik dan laman web. Keempat, sesuatu isu itu pula diperbahaskan bukan dalam satu bidang pengetahuan sahaja tetapi dalam berbagai-bagai bidang pengkhususan ilmu.

² Charles Van Doren, “Progress in Knowledge,” iaitu Bab 19 dalam bukunya *The Idea of Progress* (New York: Praeger, 1967), 324-339. Petikan di atas terdapat pada ms. 327; penekanan oleh saya.

³ Selanjutnya, lihat http://www.slais.ubc.ca/COURSES/libr500/03-04-wt2/www/K_Woods/ yang memuatkan rencana sepuluh halaman “The Information Overload”.

Antara tanda-tanda “Lebih-Muatan Maklumat” adalah “Gusar terhadap Maklumat (*Information Anxiety*)”, kecewa, marah, lemah semangat, serta fikiran jadi kacau-bilau dan keliru dan hilang kawalan diri bersangkutan maklumat.

“Gusar terhadap Maklumat (*Information Anxiety*)” merujuk kepada perasaan bahawa sentiasa ada sesuatu yang kita tidak ketahui; masa tidak pernah mencukupi; sentiasa ada suatu maklumat yang belum kita “capai”. Dan maklumat lengkap—yang kita perlukan supaya hujah kita sah lagi *foolproof* yakni sempurna dari sebarang kesalahan—selalu mengelak dari dijumpai. Seseorang itu merasai bahawa dia mesti tahu lebih dari yang sedia ada (dan khuatir yang hakikat dia kurang maklumat akan diketahui orang lain).

Antara contoh hilang kendalian diri bersangkutan maklumat yang boleh diberikan adalah, betapa banyaknya masa yang terbazir dalam perkara berikut: menjawab dan menguruskan emel termasuk yang karut (*spam*), menonton televisyen, menyelancari internet (*surf*), kerja tulis-menulis fail dan surat dan lain-lain *paper-work* lagi.

Antara permasalahan bersangkutan dengan “Lebih-Bebanan Maklumat” adalah kesihatan terjejas dari segi rabun penglihatan dan tekanan jantung, hubungan peribadi rosak akibat mudah berang dan menyinggung orang lain, ketidakcekan akibat tidak mahir teknologi, ketagih internet, membuat keputusan yang salah akibat terlampau yakin dengan sumber maklumat, atau sebaliknya lemah dalam menjelaskan sesuatu (*paralysis by analysis*) akibat tidak mampu untuk membezakan antara hakikat kebenaran dengan fakta.

Sekadar mengambil pelajaran dari negara yang tinggi teknologi maklumat, satu kajian mendapati purata warga Amerika menghabiskan satu pertiga masa hidup mereka untuk berbual di telefon, mendengar radio dan menonton televisyen. Satu kajian lain pula mendapati dua-pertiga pengurus (*manager*) syarikat menghadapi masalah hubungan tegang dengan rakan setugas, hilang kepuasan bekerja dan rasa tertekan berhubung dengan keadaan “Lebih-Muatan

Maklumat”.

Oleh kerana sumber dan dokumen untuk dirujuk adalah terlalu banyak, tentulah mustahil untuk mendapat dan menangani semua maklumat. Sekadar suatu contoh kecil, untuk satu mauduk yang dicari, internet menyediakan peluang untuk kita memiliki ribuan pilihan berkenaan tajuk tersebut. Terlalu banyak pilihan boleh melumpuhkan minat dan perhatian. Bahkan, terbukti bahawa bila manusia dihadapkan dengan terlalu banyak pilihan dalam sesuatu perkara, mereka cenderung untuk sama sekali hilang minat tentang perkara tersebut.⁴ Siapakah yang mampu membelek-belek untuk memilih buku di kedai yang memiliki 100,000 pilihan? Esther Dyson, penulis buku *A Design for Living in the Digital Age*, yang dianggap autoriti mengenai teknologi digital terkini pernah menyatakan keprihatinannya:

We have too many choices too much of the time. What should I be paying attention to?...We're getting a diet of empty information calories that's overprocessed, oversugared, and too bite-sized. While appealing, it leads to a lack of commitment and satisfaction and ultimately makes you less happy.⁵

Lebih dahsyat dari itu, ahli teori politik Neil Postman pernah berucap kepada *German Informatics Society* dalam tahun 1990 mendakwa bahawa akibat keterlaluannya menumpu kepada teknologi, bermula dengan teknologi percetakan hinggalah kepada teknologi komputer, kita hilang hakikat kemanusiaan. Maklumat-maklumat sudah dijadikan barang dagangan dan dengan tujuan berhibur, bersuka-suka seperti suatu permainan semata-mata; bermatlamatkan kuasa, kemasyhuran dan kekayaan.

⁴ Barry Schwartz, *The Paradox of Choice: Why More is Less* (New York: Ecco, 2004), dipetik dalam *Next Generation Media: The Global Shift*. A Report of the Forum on Communications and Society. Rapporteur Richard P. Adler (Washington: The Aspen Institute, 2007), 30, 51n21.

⁵ *The Mobile Generation: Global Transformations at the Cellular Level*. A Report of the Fifteenth Annual Aspen Institute Roundtable on Information Technology. Rapporteur J. D. Lasica (Washington: The Aspen Institute, 2007), 21.

Berbanding dengan zaman pertengahan, sekarang ini maklumat tidak lagi dimanfaatkan untuk menyelesaikan masalah dasar memupuk insan baik dan masyarakat adil sama ada dalam bentuk kebuluran, perang, *homelessness*; kebahagiaan rumahtangga, pendidikan anak-anak, dan masalah kejiwaan. Karam dalam lautan maklumat yang berjanji kosong untuk memperbaiki kehidupan, “we are informing ourselves to death”, demikian kesimpulan beliau.⁶

Soalnya, bagaimana seharusnya kita menyambut pilihan yang sebegitu banyak melambak berlimpah-ruah? Setakat mana manusia *perlu* kepada maklumat; apakah maklumat yang perlu diketahui dan difahami dan apakah pula maklumat yang tidak perlu bagi kita sebagai manusia? Di mana untuk menemui setepatnya apa yang kita *perlu* dalam dunia yang pilihannya tidak terbatas? Soalnya, sumber atau dokumen yang manakah yang penting dan mendatangkan makna bagi kita? Bagaimana untuk mengambil faedah daripada maklumat yang kita peroleh? Justeru isu cabaran epistemologi untuk mengetepikan pilihan-pilihan yang tidak berkaitan lagi membingungkan berkenaan keperluan kita sebagai seorang manusia (amnya) dan Muslim (khususnya) terhadap ledakan maklumat. Ini menimbulkan pula satu lagi cabaran epistemologis masakini mengenai ukuran untuk menentukan mana maklumat yang benar dengan yang palsu. Sekadar contoh, Richard Adler, ketua firma penyelidikan dan perundingan *People & Technology* yang berpusat di Silicon Valley California, mengakui dalam laporannya *Next Generation Media: The Global Shift*,⁷ keadaan sekarang yang lumayan dari segi informasi, boleh mewujudkan suasana huru-hara bagi sesiapa yang ingin mencari “maklumat yang dapat dipercayai” dalam melayari lautan luas kandungan *online*. Dalam alam baru *wikis* dan *blogs*, ukuran atau metric

⁶ Neil Postman, “Informing Ourselves to Death,” dimuat-turun pada 16 April 2008 dari <http://www.frostbytes.com/~jimf/informing.htm>. Menarik untuk dicatat bahawa ucapan kritis di persidangan *German Informatics Society (Gesellschaft fuer Informatik)*, di Stuttgart pada 11 Oktober 1990 itu telah ditaja oleh IBM-Germany.

⁷ Lihat catatan 4 di atas.

yang tepat diperlukan untuk menentukan apa maklumat yang berwibawa (*credible*) dan mana pula maklumat yang bertanggungjawab (*trustworthy*).

Pedoman Satu: Fahami Perbezaan antara Maklumat dan Pengetahuan dengan Kefahaman dan Kebijaksanaan

Sebagai manusia yang terdiri dari unsur ruh dan jasad, kita harus tahu bahawa sepertimana badan yang sempurna menuntut jasmani yang sihat, kuat, cergas dan berdaya-tenaga, kesempurnaan jiwa pula terletak pada akal yang bermaklumat, berpengetahuan dan berkefahaman lagi berkebijaksanaan.⁸

Sesungguhnya 'maklumat', 'pengetahuan', 'kefahaman' dan 'kebijaksanaan' masing-masingnya memiliki nilai yang amat berbeza. Dihalusi dalam neraca ilmiah, 'maklumat' mempunyai nilai yang paling rendah, diikuti oleh 'pengetahuan', dan kemudiannya 'kefahaman' hinggalah kepada 'kebijaksanaan' yang nilainya berharga paling tinggi dalam ukuran keilmuan dan matlamat pendidikan sepanjang hayat.

Mortimer Adler pernah menghuraikan bahawa pada kebiasaannya 'maklumat' boleh diperolehi sedikit demi sedikit secara yang terpisah antara satu unit maklumat dengan satu butiran maklumat yang lain. Kalaulah maklumat sebagai bahan mentah ilmu ini tidak dimatangkan dan dicernakan oleh akal dan budi, ia akan tinggal terlantar hanya sebagai "data-data" yang tidak memancarkan sebarang makna yang lebih mendalam bagi si empunya maklumat.

Harus disedari bahawa 'maklumat' boleh digunakan sama ada untuk tujuan yang baik ataupun yang buruk. Sebagai bukti bahawa maklumat boleh disalah-guna,

⁸ Cf. *The Great Conversation: A Reader's Guide to Great Books of the Western World*, ed. kedua (Chicago: Britannica, 1990), 24ff.; Mortimer Adler, *A Guidebook to Learning for a Lifelong Pursuit of Wisdom* (New York: Macmillan, 1986), 110-112; Mohd Sani Badron, "Jangan Jadi Mangsa Ledakan Informasi," *Berita Harian*, 30 Mei 2006 dan "Beware of the Information Explosion," *The Star*, 11 September 2007.

lihat sahaja para penjenayah yang berjaya melaksanakan kerja-kerja jahat mereka yang pada kebiasaannya terdiri dari golongan yang memiliki maklumat yang luas dan mendalam. Bahkan ada pula jenayah yang digelar 'jenayah kolar putih' atau 'jenayah pecah amanah' yang dilakukan oleh golongan yang bermaklumat lagi terpelajar dan menjawat kedudukan strategik dalam masyarakat.

Jika dibandingkan antara kedua-duanya, 'pengetahuan' adalah lebih bernilai dari semata-mata 'maklumat'. Ini kerana pada peringkat tersebut, himpunan 'maklumat' yang berkenaan telah diuruskan secara yang teratur; susunan maklumat dalam sorotan akal manusia seperti inilah yang digelar 'pengetahuan'. Justeru, seseorang mungkin saja memiliki serba sedikit 'maklumat' tetapi dalam masa yang sama tidak mempunyai 'pengetahuan' dalam pengertiannya yang ilmiah lagi bertertib.

Tiap-tiap maklumat yang tersusun dan diatur dalam sesuatu 'pengetahuan' adalah bertalian antara yang satu bahagian dengan bahagian yang lain. Sekiranya kita meninjau setiap unsur maklumat dalam sesuatu ilmu 'pengetahuan', akan kita dapati bahawa ianya saling berturutan dan saling berangkaian serta munasabah pula pada tinjauan akal dan budi. Sebagai contoh, lihat sahaja pengetahuan ilmiah dalam bidang Sejarah, Sains Tabii atau Falsafah yang sememangnya melibatkan banyak maklumat yang diatur rapi tersusun kemas mewujudkan rangkaian yang saling berturutan lagi saling bertalian bersilang-menyilang antara tiap satu bahagian dengan tiap satu bahagian yang lain.

Sangat penting untuk diperingatkan bahawa ilmu pengetahuan pasti diresapi dengan pandangan hidup seseorang. Oleh kerana akal-budi manusia meninjau dan menyorot ilmu pengetahuan dalam bingkai pandangan alam kebudayaan dan tamadunnya masing-masing, apa yang dianggap 'pengetahuan' oleh sesuatu tamadun mungkin dinafikan kebenarannya ilmiahnya oleh tamadun yang berlainan.

Sebagai contoh mudah, 'pengetahuan' berkenaan diri

manusia pasti berbeza dalam tamadun yang menanggapi insan hanya semata-mata sebagai benda (*matter*) berbanding dengan tamadun lain yang mentafsirkan insan sebagai makhluk yang memiliki ruh yang luhur ciptaan Allah.⁹ Justeru, dalam huraian inilah wujud pertembungan ilmiah antara pandangan alam Barat, contohnya, dengan pandangan hidup Islam;¹⁰ walaupun di sana pasti ada pula keserupaan ilmiah yang membayangkan pertindanan keilmuan dan pertindihan pengetahuan yang dianut oleh pelbagai aliran.

‘Pengetahuan’ juga mungkin digunakan oleh manusia untuk kebaikan ataupun keburukan. Kita semua tahu bahawa sains dan amalan sains menerusi teknologi persenjataan nuklear dan bio-kimia, contohnya, boleh tersalah haluan lalu menjerus kepada kerugian dan bahkan kebinasaan tamadun manusia seluruhnya. Lantaran itulah kita dapati sebahagian negara dan masyarakat beragama telah melarang sebahagian daripada usaha penyelidikan sains yang boleh mengarah kepada amalan teknologi yang mengancam masa depan umat manusia.

Sebagai contoh tambahan dalam penyalahgunaan ilmu, Henry Commager telah mengimbas betapa pengetahuan Sejarah pernah disalahguna oleh bangsa Jerman.¹¹ Selama lebih seratus tahun, dari Ranke membawa kepada Meinecke, bangsa Jerman dengan penuh tekun telah bersungguh-sungguh memupuk pengetahuan Sejarah. Mereka juga telah berjaya melahirkan ramai sejarawan masyhur yang memenuhi gedung-gedung perpustakaan dengan rakaman tawarikh. Tetapi malangnya Sejarah telah diseleweng sebagai ‘propaganda’ yang mendakyahkan rasa perkauman fanatik kegilaan dan taksub kesombongan serta penuh prasangka. Ini akhirnya menelurkan kemegahan militarisme Jerman yang daripadanya tertetas dan meledak

⁹ Lihat al-Qur’an, *al-Hijr*, 15: 29.

¹⁰ Lihat, umpamanya, Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islām and Secularism*, (Kuala Lumpur: ABIM, 1978, cetakan kedua dgn Kata Pengantar baru ISTAC, 1993), 97ff.

¹¹ Henry Steele Commager, “The Discipline of History,” *The Great Ideas Today* (Chicago: Britannica, 1972), 248.

berkobar Perang Dunia yang membunuh dan mencacatkan ramai manusia.

Salahguna ilmu paling buruk boleh berlaku apabila Kebenaran asal dirobah dan maklumat yang palsu direka dengan niat jahat untuk menggantikan apa yang betul dalam ilmu yang sebenar. Maklumat yang *haqq* pula dialpakan— atau sengaja dipersembunyi serta kemudian diputarbelit. Lantas bercampuraduklah apa yang *haqq* dengan apa yang batil, dan tercemarlah kejernihan Kebenaran dengan keruh Kepalsuan. Lanjutan dari itu timbullah keadaan serba kelam berkabut mengelirukan bagi masyarakat awam yang jahil. Penganiayaan dan hasad serta kedengkian sesama manusia disahkan atas nama ilmu dan kebenaran yang sebenarnya palsu menyamar.

Perbezaan antara ‘pengetahuan’ dan ‘kefahaman’ pula adalah berkenaan dengan kedalaman makna yang dibawa oleh sesuatu ‘ilmu’. Ini kerana sebenarnya semua percabangan ilmu mempunyai pengaruh dan kesannya yang tersendiri dalam hidup manusia. Setiap percawangan ilmu dalam akal insani yang serba kompleks itu sesungguhnya menjurus lanjut pula kepada akibat-akibat yang penting dalam kehidupan dengan segala selok-beloknya peribadi dan bermasyarakat.

Justeru yang digelar ‘kefahaman’ itu adalah memahami makna, nilai-nilai, kepentingan, kesan dan pengaruh sesuatu pengetahuan dan ilmu itu dalam kehidupan kita, kemanusiaan seluruhnya dan bahkan alam sekitar. Seperti yang terakam dalam kamus agung *Lisān al-‘Arab* karya Ibn Manzūr (m.711H), kefahaman (al-fahm) itu adalah “kearifan mengenai sesuatu urusan dan perkara menerusi mata-hati” (*ma’rifat al-shay’ bi al-qalb*).¹² Perhatikan kehalusan istilah yang digunakan oleh Ibn Manzūr, iaitu *ma’rifah* dan *al-qalb*.

Semakin sempurna makrifah seseorang individu, maka semakin bererti dan bermaknalah hidupnya; ini kerana hidupnya telah dilimpahi sinar pancaran ‘kefahaman’ kalbu yang menerang dan memperjelas tertib pengetahuannya

¹² Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1997), s.v. *fahm*, 10: 343.

sepanjang menempuh dugaan kehidupan. Penting diingat bahawa untuk dianugerahkan dengan 'kefahaman', seseorang memerlukan sedikit-sebanyak maklumat atau pengetahuan; tetapi, seseorang yang sekadar bermaklumat atau berpengetahuan tidak semestinya benar berkefahaman mengenai makna arah dan tujuan hidup yang hakiki.

'Kebijaksanaan' pula adalah 'Ilmu' dalam pengertiannya yang tertinggi, yang mensyaratkan maklumat, pengetahuan dan kefahaman yang serba-serbi masing-masingnya diletakkan dalam neraca pertimbangan nilai yang adil. Akal manusia yang bijaksana mampu memandang persoalan-persoalan yang pokok dalam kehidupan insaniah. Seseorang yang dikurniai 'hikmah' telah mencapai pengertian dasar yang paling penting mengenai perkaitan antara persoalan kehidupan manusia di alam semesta dengan isu-isu ketuhanan dan keagamaan yang sebenar.

Sepertimana Kefahaman merupakan kurniaan Allah,¹³ *Hikmah* juga adalah anugerah-Nya yang besar¹⁴ kerana *al-'Alīm* dan *al-Hakīm* itu adalah antara Nama-Nya, yang bersifat *Maha Berilmu* dan *Maha Bijaksana*. Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam *Risalah untuk Kaum Muslimin* telah mentakrif *Hikmah* sebagai "suatu ilmu yang memperkenalkan kepada diri si pemiliknya akan *batas kegunaan* serta *had maknawi* sesuatu perkara."¹⁵

Kehidupan insan berhikmah adalah berlandaskan iman—yakin tanpa syak dan ragu dalam iktikad mengenai Tuhan dan kehidupan sesudah mati. Iman memberi kekuatan kepada akal manusia untuk memahami siapa Allah, sama ada pada aspek Diri (*Dhāt*), Nama dan Sifat, mahupun Perbuatan-Nya (*Af'āl*). Insan yang memiliki *Hikmah* akan sentiasa menuntut keseimbangan dalam ilmu-pengetahuan dan ilmu-pengenalannya. Ini terjelma dalam keindahan budi dan pekerti, sama ada dalam keluarga

¹³ Lihat al-Qur'an, *al-Anbiyā'*, 21: 79.

¹⁴ Lihat al-Qur'an, *al-Baqarah*, 2: 269.

¹⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001), 56. Buku ini adalah catatan kata lisan Prof al-Attas pada tahun 1973.

dan persahabatan, mahupun sosio-ekonomi dan politik bermasyarakat.

Pedoman Dua: Perlu Beradab kepada Ilmu Sebelum Boleh Memahami Kebenaran dan Kebaikan

Dalam al-Qur'an, Allah telah membidas mengenai "golongan yang hanya tahu zahir kehidupan dunia tetapi dalam masa yang sama lalai tentang hakikat kehidupan dan matlamatnya."¹⁶ Walau bagaimanapun, hakikat dan matlamat kehidupan manusia hanya boleh betul difahami sekiranya mereka memahami siapa Tuhan Yang Sebenar (*al-Ilāh al-Haqq*) dengan sifat-sifatNya Yang Maha Sempurna. Telah ditegaskan bahawa bagi "mereka yang lupa kepada Allah, Dia menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri."¹⁷ Iaitu, sekiranya manusia lupa kepada *Yang haqq*, maka mereka akan lupa *hakikat* diri dan masyarakat; sekiranya manusia lupa kepada Tuhan Yang Bersifat Suka Berbuat Kebaikan (*al-Mihsān*), maka manusia akan lupa apa yang baik untuk diri sendiri dan masyarakat. Kerosakan (qv. *fiṣq*) pun berlaku dalam masyarakat manusia dan diri sendiri akibat akal telah disalah-guna dan keupayaan rohaniah yang sebegitu hebat telah dipersia salah haluan.

Menerusi ajaran yang betul oleh Agama Yang Sebenar (*al-Dīn al-Haqq*), ilmu mengenai Tuhan Yang Maha Esa dengan sifat-sifatNya sempurna adalah *Master-Truth*,¹⁸ iaitu hakikat dan kebenaran yang istimewa, yang dengannya terbukalah segala kebenaran yang lain; khususnya ilmu-ilmu mengenai kebaikan-kebaikan yang wajib dilaksana dan kejahatan-kejahatan yang wajib dihindarkan, sama ada dari segi rohaniah mahu pun dari segi zahiriah. Sebaliknya, tanpa iman, kepercayaan selainnya jadi terpisah dan kalut, seperti firman-Nya, "jalan yang betul menuju kepada Allah, dan hala-tuju selain daripada itu adalah bagi jalan-jalan

¹⁶ Lihat al-Qur'an, *al-Rūm*, 30: 7

¹⁷ Lihat al-Qur'an, *al-Ḥashr*, 59: 19.

¹⁸ Fazlur Rahman, *Major Themes of the Qur'an*, ed. kedua (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1999), 2.

yang menyeleweng.”¹⁹

Walau bagaimanapun, untuk mencapai ilmu Agama yang sebenar, seseorang itu mestilah memiliki perasaan hormat sambil datang belajar dengan hati yang hadir dan berniat untuk mentaati Kebenaran dan Kebaikan, seperti FirmanNya yang bermaksud,

Mereka takut-hormat kepada Yang Mahapengasih padahal Dia ghaib dan mereka datang dengan hati yang mengadap untuk berbuat taat.... Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat pengajaran bagi mereka yang memiliki kalbu, atau yang menggunakan pendengaran sedang dia menyaksikan.²⁰

Syarat untuk dapat memahami Kebenaran dan Kebaikan telah dinyatakan oleh Allah SWT yang bermaksud,

...mereka mempunyai kalbu yang dengan itu mereka dapat memahami, atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar (Wahyu Tanzil). Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah kalbu yang merupakan hati kesedaran.²¹

Mengupas hal yang sama almarhum Fazlur Rahman menyatakan:

Physical avenues of information may improve vastly but the heart, the instrument of perception and discernment, is dulled; the inputs and outputs of computers become ever more efficient; only the capacity to ask the right questions, the humanly relevant questions, fails.²²

¹⁹ Al-Qur'an, *Al-Nahl*, 16: 9.

²⁰ Al-Qur'an, *Qāf*, 50:33, 37.

²¹ Lihat al-Qur'an, *al-Hajj*, 22: 46.

²² *Major Themes of the Qur'an*, 57. Dalam cakupan ini peringatan Henry David

Charlie Dunbar Broad pernah menyatakan bahawa ilmu mengenai penyusunan masyarakat (*social organization*) hanya boleh dimanfaatkan sekiranya dasar perasaan hati manusia (*the emotional constitution of mankind*) diubah kepada yang lebih baik. Dan kemajuan yang seperti itu hanya boleh berlaku dengan mengasaskannya kepada ilmu yang mendalam, mengenai apakah faktor-faktor yang menghasilkan, merobah, dan menghapuskan kepercayaan-kepercayaan yang tidak selaras dengan akal.²³

William Godwin, seorang ahli falsafah politik Inggeris pernah menyatakan bahawa semua harapan manusia boleh digantungkan kepada kemajuan ilmu yang sejahtera dan segar, kerana kemajuan akal manusia akan dituruti dengan kemajuan akhlaknya. Justeru pengkaji di Barat akur bahawa pemikiran bertertib (*schematic thinking*) cukup membantu seseorang dalam memilih maklumat yang baik dan benar dengan menyatakan, "a schema is a knowledge structure or framework that organizes an individual's memory of information about people and events."²⁴ Dalam perkataan Neil Postman, pemikiran bertertib merujuk kepada "an ordered, comprehensible worldview, beginning with the idea that all knowledge and goodness come from God."²⁵

Pedoman Tiga: Ilmu I'tiqād Paling Perlu bagi Diri Manusia

Untuk memelihara jiwa manusia yang bersifat rohaniah, akal perlulah diselamatkan dari perasaan sangsi (*shakk*) mengenai hakikat dan matlamat kehidupan. Iaitu, melalui i'tiqād yang membenarkan perutusan Allah yang sahih kepada Rasul-Nya. Perutusan yang sahih tersebut

Thoreau cukup bermakna: "All our inventions are but improved means to an unimproved end."

²³ Van Doren, "Progress in Knowledge," 335. C. D. Broad adalah ahli epistemologi, sejarah, falsafah, falsafah sains, etika, dan pengarang mengenai aspek-aspek falsafi dalam kaji-selidik jiwa.

²⁴ Richard Jackson Harris, *A Cognitive Psychology of Mass Communication*, ed. kedua (New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, 1994), 77 seperti yang dipetik dalam sumber catatan 3 di atas.

²⁵ Lihat sumber catatan 6 di atas.

menjamin bahawa prinsip-prinsip keilmuan sentiasa berada dalam landasan yang tetap dan tradisi yang terbit daripadanya sentiasa kukuh. *I'tiqād yaqīnī* dan pengamalan yang serasi dengan keyakinan tersebut juga mencerminkan ketenteraman hati yang kenal diri dan hubungannya dengan Yang Maha Pencipta.

Justeru pangkal Agama itu adalah dengan mengenal Allah, Tuhan Yang Maha Esa Yang Memiliki Sifat-Sifat Yang Maha Sempurna, yang juga terkenal dengan nama ilmu *al-tawhīd*.²⁶ Kalau diteliti, ilmu mengenal Allah itulah yang kemudiannya bercabang menjadi rukun-rukun Iman yang lain.

Walau bagaimanapun, ilmu *i'tiqād* itu tidaklah beku terbatas pada intisari dasarnya sahaja, seperti yang diajar pada tahap kehidupan kanak-kanak. Sebaliknya, ruang lingkup dan kandungan ilmu *i'tiqād* yang wajib dituntut itu berkembang—selaras dengan bertambahnya kedewasaan dan tanggung-jawab seseorang Islam, sesuai dengan daya-upaya dan kemampuan akalnya. Ini penting dalam menghindarkan sebarang getaran keraguan hati sama ada akibat pembawaan diri ataupun pengaruh masyarakat dalam bentuk kemungkaran akidah yang direka-reka.

Justeru kadar ilmu *i'tiqād* yang wajib dituntut adalah secukupnya untuk menghilangkan kesangsian dan kekacauan aqidah yang boleh dialami. Iaitu, yang mampu mengenal antara aqidah yang *ḥaqq* dan yang batil sehingga terelak dari percaya yang batil menurut hawa nafsu atau menafikan aqidah yang *ḥaqq*.²⁷

Mengenai ilmu *i'tiqād* ini, manakala sebahagian orang Islam berkecukupan dengan zahir ayat Qur'an dan hadith serta athar, sebahagian orang Islam yang lain perlu kepada pendalaman bukti-bukti rasional akal, dengan perbahasan dan fikiran nazar.²⁸ Keperluan kepada bukti-bukti rasional akal, dengan perbahasan dan fikiran nazar timbul dalam

²⁶ Lihat, umpamanya, Murtaḍā al-Zabidī, *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn bi-Sharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 1: 200.

²⁷ *Ibid.*, 200, 218.

²⁸ Lihat, umpamanya, *Ibid.*, 200.

Sejarah Islam terutama setelah terlaksananya sejumlah pembukaan (*futūh*) bermula dengan tewasnya empayar Parsi yang sejak awal-awal lagi telah menjadi seteru politik kepada dunia Islam.²⁹ Justeru kemudiannya kaum Muslimin bertanding dengan para penganut agama Majus, Manu dan Mazdak dalam satu *pertarungan akliah* yang penuh getir. Sesungguhnya benar bahawa gerakan-gerakan keagamaan tersebutlah yang secara senyap lagi rahasia telah menyusup menerobos ke dalam masyarakat Islam yang semakin kompleks itu, dan seterusnya menyebarkan seperangkat pentafsiran yang sejauh-jauhnya menyimpang dari Kebenaran. Tambahan pula penyelewengan tersebut telah disambut di kalangan masyarakat oleh puak Kebatinaan yang sememangnya cenderung untuk mengenakan ta'wīl kepada nas-nas al-Qur'an dengan menafikan makna zahir. Islam menghargai nazar yang betul dan kebenaran, yang bila dipupuk dengan secukupnya, akan sentiasa menang berbanding kesalahan dan kekeliruan; Yang Haq itu Mahaberkuasa. Kejahatan dan kelemahan rohaniah manusia bukanlah tidak terkalahkan; sebaliknya, manusia boleh dipupuk ke arah kesempurnaan, manusia memiliki kesanggupan untuk perbaiki diri yang kekal abadi.

Pedoman Empat: Wajib Berilmu Mengenai Kebaikan yang Fardu Dilaksanakan

Oleh kerana iman yang hakiki turut menghasilkan budi yang baik dan akhlak yang mulia termasuk terhadap sesama makhluk secocok dengan ragamnya masing-masing,³⁰ ilmu fardu 'ayn turut merangkum dimensi amalan zahiriah dan rohaniah.

Justeru jurusan seterusnya ilmu fardu 'ayn adalah berkenaan perbuatan yang wajib dilaksanakan. Ilmu

²⁹ Untuk gambaran yang cemerlang mengenai persejarahan penaklukan lihat Shibli Nu'mani, *Omar the Great: The Second Caliph of Islam*, 2 jil., terj. Zafar Ali Khan & Muhammad Saleem (Lahore: Ashraf, 1943-57), 1:103-70, 2:1-12.

³⁰ Lihat, umpamanya, al-Ghazzālī, *Al-Maqṣad al-Asnā fi Sharḥ Asmā' Allāh al-Husnā*, terj. dgn catatan David B. Burrell dan Nazih Daher, *The Ninety-Nine Beautiful Names of God* (Cambridge: The Islamic Texts Society, 1992).

mengenai perbuatan yang wajib dilaksanakan juga tidaklah beku terbatas pada intisari dasarnya sahaja, seperti yang diajar pada tahap kehidupan kanak-kanak. Sebaliknya, ruang lingkup dan kandungan ilmu mengenai perbuatan yang wajib dilaksanakan itu juga *berkembang mengikut masa*; semakin lama seseorang mukallaf itu hidup, semakin berkembanglah ruanglingkup urusan-urusan fardu 'aynnya yang memerlukan ilmu yang berkaitan.³¹

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai prinsip di atas: semakin lama seseorang mukallaf itu hidup, semakin berkembanglah urusan-urusannya yang wajib, dari wudu', sembahyang lima waktu hinggalah puasa ramadan, dari zakat hinggalah ke haji, iaitu apa yang dinamakan rukun Islam.³² Inipun hanyalah permulaan agama yang boleh dikembangkan lagi, merangkum *syarat-syarat batiniah* rukun-rukun Islam tersebut. Sebagai permulaan agama, rukun-rukun Islam adalah seperti akar yang pokoknya berkembang tumbuh berdahan, beranting dan berbuah dalam bentuk lain-lain amalan, tindak-tanduk, perilaku, dan perlakuan, zahir dan batin.

Seterusnya termasuklah ilmu mengenai apa yang halal berkenaan makanan, minuman, pakaian, pergaulan dan perhubungan sesama manusia dan lain-lain perkara yang tidak dapat dihindari dalam kehidupan biasa.³³

Perincian ilmu fardu 'ayn berkenaan amalan sedikit-sebanyaknya adalah berbeza kerana berbezanya keadaan dan kedudukan seseorang. Apa yang dituntut oleh keperluan hidup seseorang menjadi sebab-sebab kepada wajibnya ilmu tertentu kepada orang tersebut; begitu juga dalam hal sesebuah masyarakat.³⁴

Kaedah kedua untuk memahami perkembangan ruanglingkup ilmu-ilmu fardu 'ayn mengenai perbuatan yang wajib dilaksanakan adalah prinsip "dicegah untuk membuat

³¹ Ibid., 214ff. Nuh Ha Mim Keller, *Reliance of the Traveller: A Classic Manual of Islamic Sacred Law*, rev. ed. (Maryland: Amana, 1994), 11.

³² *Ithāf*, 214-7; *Reliance*, 11.

³³ *Ithāf*, 217-8; *Reliance*, 11.

³⁴ *Ithāf*, 203-17.

sesuatu usaha melainkan setelah mengenal syarat-syaratnya dalam Agama."³⁵

Sebagai contoh yang pernah dikemukakan oleh al-Khawārizmī dalam *Mubīd al-Humūm wa Mufīd al-'Ulūm*, dicegah menjalankan perniagaan melainkan sesudah mempelajari kayfiat dan syarat-syarat mu'amalat bagi seseorang peniaga, atau perniagaan yang diharamkan dan terma-terma yang batal bagi seseorang peniaga.³⁶ Ini dilaksanakan oleh saidina Umar dalam sistem pendidikannya sehingga tiadalah berniaga di pasar kaum Muslimin melainkan mereka yang memahami perniagaan berlandaskan Islam, hingga tidak lagi keliru mengenai sebarang perkara yang boleh menerbitkan penindasan terhadap golongan pembeli seperti riba.³⁷

Atau, satu lagi contoh, ditegah berkahwin melainkan sesudah mempelajari hukum-hakam pertunangan, pernikahan, melayani pasangan, beranak-pinak dan sebagainya.³⁸ Ini adalah untuk memastikan tiada pengabaian terhadap hak-hak ahli keluarga.

Atau, dilarang memimpin melainkan sesudah mempelajari mengenai hukum-hakam pemerintahan dan kepimpinan bagi seseorang pemerintah seperti hak-hak dan cara-cara memenuhi hak-hak rakyat, syarat-syarat siasah dan politik, dan sebagainya.³⁹ Ini adalah untuk memastikan negara tidak terabai sama ada oleh pemerintah mahupun oleh rakyat.

Maka itu, ilmu dalam bahagian yang kedua ini bukan fardu 'ayn dalam pengertian pertama (iaitu rukun Islam atau perintah asas dari Tuhan), tetapi ilmu fardu 'ayn yang wajib dipelajari hanya bagi sesiapa yang berniat melaksanakannya.⁴⁰

Sekadar satu catatan, terdapat para sarjana Barat yang berpendapat bahawa, dalam zaman kita ini terdapat

³⁵ *Reliance*, 11.

³⁶ Dipetik dalam *Ithāf*, 222.

³⁷ *Ibid.*, 201, 222.

³⁸ *Ibid.*, 222.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Reliance*, 11.

kemajuan dalam kesedaran akhlakiah (*the progress of moral conscience*) manusia seluruhnya mengenai layanan terhadap tahanan perang, kemiskinan, pencerobohan perang, buruh kanak-kanak, dan yang seumpamanya lagi.⁴¹ Walau bagaimanapun, para sarjana Barat tersebut mengakui bahawa penambahan pengetahuan mengenai akhlak dan peningkatan kesedaran mengenainya, adalah sejenis kemajuan yang terbatas. Walaupun sememangnya baik untuk bertambahnya pengetahuan mengenai apa yang seseorang wajib lakukan, adalah jauh lebih baik jika bangsa manusia benar-benar melaksanakan tugas dan kewajiban mereka. Kemajuan yang benar-benar bermakna akan terlaksana sekiranya ada “perbaikan *perilaku*” sejajar dengan “perbaikan dalam *kefahaman akhlakiah*”.⁴²

Pedoman Lima: Wajib Berilmu Mengenai Kejahatan yang Fardu Dihindarkan

Aspek ketiga ilmu fardu ‘ayn adalah berkenaan perkara yang wajib ditinggalkan. Ilmu mengenai perbuatan yang wajib dihindarkan juga tidaklah beku terbatas pada intisari dasarnya sahaja seperti yang diajar pada tahap kehidupan kanak-kanak. Sebaliknya, ruang lingkup dan kandungan ilmu mengenai perbuatan yang wajib ditinggalkan itu juga *berkembang* menurut keadaan seseorang yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Sebagai contohnya, ada perkara yang wajib ditinggalkan oleh orang yang mempunyai deria lisan dan pendengaran, yang tidak relevan dengan seseorang yang bisu atau buta. Apa yang terlepas daripada seseorang mukallaf, tidaklah diwajibkan dia mempelajarinya; sementara apa-apa tugas atau kefarduan yang seseorang mukallaf tidak terlepas darinya, wajiblah dia menuntut ilmunya. Prinsip yang serupa terpakai mengenai ilmu mengenai apa yang haram dibuat berkenaan makanan, minuman, pakaian, hubungan

⁴¹ Lihat huraian terhadap pemikiran Yves Simon dan Jacques Maritain oleh Van Doren, “Progress in Knowledge,” 330 dan 432-4.

⁴² *Ibid.*, 334.

lelaki perempuan dan lain-lain perkara yang tidak dapat dihindari dalam kehidupan biasa berkenaan dasar-dasar Tegahan Tuhan.⁴³

Perlulah diingat bahawa amalan yang wajib dibuat dan ditinggalkan turut mencakup **amalan dalam pengertian rohaniah**. Berdendam, berhasad-dengki, bakhil harta-benda, mencintai kemegahan, riya', takabbur dan 'ujub adalah antara perbuatan berciri rohaniah yang wajib ditinggalkan. Sifat-sifat seperti bersabar, bersyukur, bertawakkal, jujur, ikhlas, bermuraqabah dan bermuhasabah pula adalah antara perbuatan dalaman yang wajib diusahakan.

Bahkan, 'Abd al-Qādir al-Jilānī (w. 561/1166) pernah memetik kata Pujangga, "Sekiranya seseorang itu tidak menunaikan 'kewajiban sepanjang masa' (*al-fard al-dā'im*), apa-apa 'kewajiban masa tertentu' (*al-fard al-mu'qqat*) yang ditunaikannya tidak akan diterima oleh Allah." Bila ditanya apakah 'kewajiban sepanjang masa', beliau menjawab: "Kejujuran (*Ṣidq*)."⁴⁴

Sifat-sifat yang membinasakan rohaniah perlu dikenali definisi dan batasnya, sebab-sebab timbulnya, tanda-tandanya dan cara-cara mengubatnya. Ia tidak perlu dipelajari hanya oleh sesiapa yang sudah sedia memiliki kalbu yang sejahtera, ataupun sesiapa yang berupaya membersihkan dirinya dari sifat-sifat tersebut dengan cara lain tanpa belajar—seperti secara bersahabat dengan seorang yang ikhlas (*ṣuḥbah*).⁴⁵

Al-Imām al-Ghazzālī (w. 505/1111) telah mengingatkan dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* bahawa perkembangan hal-ehwal seseorang Islam dalam menempuh siang dan malam kehidupannya tentulah tidak terlepas dari kejadian-kejadian dan susulan terhadap kejadian-kejadian tersebut yang berkaitan dengan ibadah dan mu'amalahnya secara terus menerus. Maka perlulah seseorang Muslim itu

⁴³ *Iḥāf*, 217-8.

⁴⁴ Shaikh 'Abd al-Qādir al-Jilānī, *Sufficient Provision for Seekers of the Path of Truth*, penterj. Muhtar Holland, 5: 160.

⁴⁵ *Iḥāf*, 219-20. Juga, *Reliance*, 12, yang memetik al-Nawawī, *al-Majmū'*.

melazimkan dirinya dengan ilmu⁴⁶ supaya tidaklah berlaku atau terjadi sesuatu kepada seseorang Muslim melainkan dia tahu bagaimana untuk menunaikan tanggungjawab kemanusiaannya bertunjangan agama Islam yang lengkap lagi sempurna.

Menarik untuk diingat bahawa seorang pemikir Barat yang bernama Charlie Dunbar Broad pernah membayangkan bahawa ada perlumbaan antara (pertamanya) pengetahuan sains mengenai unsur alam tabii yang tak organik, dengan (keduanya) pengetahuan mengenai manusia. Kalau yang pertama itu yang memenangi perlumbaan, maka bangsa manusia akan membinasakan dirinya sendiri. Kalau yang kedua itu yang menang, umat manusia bolehlah diharapkan akan terus maju.⁴⁷

Pedoman Enam: Wajib Berilmu Untuk Menegakkan Urusan-Urusan Duniawi

Menurut al-Ghazzālī, ilmu fardu kifayah boleh dinilai dari dua jurusan. Pertama, pengkhususan dalam ilmu-ilmu Shari'ah yang wajib dituntut kerana ia menjadi perantara dalam menegakkan urusan keagamaan masyarakat Islam **di dunia**, seperti *disiplin* bahasa Arab al-Qur'an, usul fiqh, fiqh jual-beli dan perdagangan, pengurusan jenazah dan harta pewarisan, munakahat (nikah-kahwin dan perceraian), jenayah dan ketatanegaraan, dan seterusnya lagi.⁴⁸

Kepada generasi pertama Islam di Madinah lagi Allah telah menyatakan,

“Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan juang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam kefahaman mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali

⁴⁶ *Ithāf*, 221.

⁴⁷ Van Doren, "Progress in Knowledge," 334.

⁴⁸ *Ithāf*, 222-3.

kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya."⁴⁹

Tercermin dalam ayat tersebut dua pembahagian paling asas mengenai pengkhususan: pertama, pengkhususan untuk memperjuangkan kelangsungan hidup masyarakat Islam di pentas siasah Dunia; dan kedua, pengkhususan *tafaqquh fī al-Dīn* dalam pengertian yang luas lagi berkesan dalam memberikan peringatan Agama yang mampu memelihara keperibadian Muslim dan memberikan halatuju yang unik kepada masyarakat Islam.

Wajib sebagai ilmu perantara pengkhususan perlu dibezakan dengan wajib yang umum atas setiap orang mukallaf, seperti rukun iman dan perkara-perkara asas dalam shari'ah Islam. Wajib sebagai ilmu perantara tergantung kepada tuntutan zaman, kecenderungan peribadi, kecerdasan, dan sebagainya lagi. Ia juga berkembang dan tidak terbatas hadnya dari satu individu ke satu individu yang lain. Masing-masing mereka wajib meningkatkan keupayaan pada kadar yang dihajati oleh masyarakat. Wajib yang umum atas setiap orang mukallaf untuk menuntut ilmu shari'ah pula adalah pada kadar yang berfaedah pada menyampaikan kefahaman terhadap Kalam Allah dan Sunnah RasulNya, tanpa perlu kepada masalah-masalah yang berlebihan di mana seseorang itu masuk sangat jauh ke dalam masalah-masalah yang berat, halus dan berliku.⁵⁰

Bahagian kedua ilmu fardu kifayah yang wajib dituntut adalah ilmu bukan Shari'ah kerana ia *tidak dapat dikesampingkan dalam menegakkan urusan duniawi* masyarakat Islam. Dalam abad kedua belas Masihi, al-Ghazzālī telah memasukkan ilmu berkenaan perusahaan-perusahaan penting seperti perubatan, pertanian, pertenunan, pembinaan, dan siasah dalam kategori ini.⁵¹

⁴⁹ Al-Qur'an, *al-Tawbah*, 9: 122.

⁵⁰ Ibid., 225, memetik Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dalam *Miftāh Dār al-Sa'ādah*. Lihat juga halaman 204-5.

⁵¹ Ibid., 223-4.

Raja-raja Dunia Islam pada zaman silam telah menyediakan klinik dan hospital yang teratur menerusi sistem waqaf seperti yang dipelopori oleh al-Walid bin Abdul Malik, khalifah Umayyah yang memerintah dari Sepanyol hingga ke India antara tahun 705–715 Masihi / 86–96 Hijrah;⁵² bahkan, rencana *Wikipedia* berkenaan al-Walid I merakamkan: “he developed a welfare system, built hospitals, educational institutions and measures for the appreciation of art.” Raja-raja Dunia Islam zaman silam juga mengkhususkan bahagian khas pentadbiran Kehakiman untuk mentadbirkan urusan harta peninggalan dan warisan.⁵³ Dalam cakupan berbuat kebajikan dalam urusan-urusan keperluan lazim inilah kita perlu memahami pandangan Al-Ghazzālī bahawa dosa tidak menuntut ilmu fardu kifayah adalah kerana ia serupa dengan perbuatan membinasakan diri, bertentangan dengan berbuat kebajikan (*charity*). Tegahan Allah SWT itu tersurat dalam ayat 195 surah *al-Baqarah*, “dan janganlah kalian menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah (*aḥsinu*), kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik (*muḥsinin*).”⁵⁴

Tinjauan fikiran, pengetahuan dan sains masakini telah berkembang dengan hebatnya. Justeru, dalam abad kedua puluh satu ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas memasukkan dalam ilmu fardu kifayah ini ilmu-ilmu kemanusiaan, sains tabii, sains guna, sains teknologi, perbandingan agama, kebudayaan Barat dan tamadun Barat, ilmu-ilmu bahasa, dan sejarah Islam sebagai sejarah Dunia yang merangkum pemikiran Islam, kebudayaan Islam dan tamadun Islam, serta perkembangan sistem ilmu Islam dan falsafah ilmu Islam.⁵⁵ Semua ilmu tersebut harus diseraskan dengan kerangka Pandangan Hidup Islam.

Kalau benar kaum Muslimin percaya kepada keutamaan

⁵² Ibid., 223, berdasarkan sumber autoriti Abū Bakr Aḥmad b. ‘Alī al-Halwānī, *Laḥā’if al-Ma’ārif*.

⁵³ *Iḥāf*, 223

⁵⁴ Ibid., 224.

⁵⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islām and Secularism*, 159; idem, *Islām, Secularism and the Philosophy of the Future*, (London: Mansell, 1985), 201-3.

kemajuan pengetahuan, maka kepentingan penyelidikan mestilah diutamakan, lebih-lebih lagi dalam zaman revolusi teknologi sains masakini. Bahkan, menurut peringatan Stevan Dedijer,⁵⁶ kaji-selidik sains merupakan syarat kepada kebajikan, keberuntungan, keselamatan dan kelangsungan sesebuah negara. Di kebanyakan negara-negara maju hari ini, semakin banyak hasil dan perkhidmatan yang berasaskan kepada kaji-selidik. Negara-negara yang tidak memiliki program kaji-selidik yang cergas akan tercicir jauh di belakang negara-negara yang memilikinya. Negara-negara maju kian menggunakan kaji-selidik sains secara yang teratur dari segi masyarakat (*in a socially planned way*) sebagai jentera penggerak bagi memajukan masyarakat mereka, sedangkan negara-negara yang mundur sains dan teknologi adalah berkekurangan jentera-kuasa tersebut. Menurut Dedijer,

Progress does not just happen any more; it is manufactured, made to order, planned by using the knowledge of social behaviour as systematized by social science....In the political phase of the scientific revolution, new inventions increase the productivity of science and its social effects. The most important of these is planned development of science on a national scale by means of the set of decisions called research policy.⁵⁷

Terjemahannya secara bebas:

Kemajuan tidak lagi berlaku begitu sahaja; sekarang, kemajuan direka, dihasilkan mengikut arahan, dirancang dengan memanfaatkan ilmu mengenai peri-laku masyarakat seperti yang

⁵⁶ "Research: The Motor of Progress," dalam *Buletin of the Atomic Scientists*, Vol. XVIII, No. 6, Jun 1962, ms. 4, seperti yang dipetik oleh Van Doren, "Progress in Knowledge," 337-8. Dedijer (m. 2004) merupakan ahli akademik berbangsa Yugoslavia (Croatia) yang mengasaskan disiplin kepintaran niaga/kecerdasan daya-saing (*business/competitive intelligence*).

⁵⁷ Ibid.

disusun oleh sains sosial. Dalam revolusi sains pada tahap negara, ciptaan-ciptaan baru meningkatkan kemampuan daya-hasil sains dan (meningkatkan) kesan sosialnya. Kesan sosial yang paling penting adalah perkembangan sains yang terancang pada peringkat negara menerusi sehimpunan ketetapan yang dipanggil “dasar penyelidikan”.

Kaji-selidik yang dimaksudkan oleh Dedijer merangkum penyelidikan mengenai maklumat alam tabii luaran, susunan perilaku sosial, atau ketetapan politik, yang menghasilkan penyelidikan dan pengetahuan baru. Penyelidikan di sini merujuk kepada pengetahuan yang sangat rasmi atau formal; penyelidikan yang mematuhi aturan tertentu, dan tanda peroleih ilmunya adalah kuasa baru terhadap alam tabii luaran.⁵⁸

Memperbetul Tanggapan Fardu Kifayah

Dalam kewajiban ilmu fardu kifayah, *kesatuan para mukallaf masyarakat Islam secara bersama* memikul tanggungjawab kefarduan untuk menuntunya. Iaitu, jika sebilangan yang memadai daripada para mukallafin ada menegakkan kewajiban menuntut ilmu fardu kifayah tersebut, maka kefarduan itu telah tertunai dan gugurlah dosa tidak mengerjakannya daripada yang lain.⁵⁹ Sebaliknya, jika tiada seorang pun yang menegakkan kewajiban menuntut ilmu fardu kifayah tersebut, atau mereka mengambil keputusan untuk bersepakat atas meninggalkan ilmu fardu kifayah itu, maka *semua* mukallaf masyarakat tersebut berdosa kerana mengabaikan kewajiban itu.⁶⁰

Semua ilmu-ilmu tadi wajib dikuasai oleh umat Islam walau siapa pun di kalangan mereka yang menuntut ilmu tersebut; tetapi Allah tidak memerintahkan ia ditegakkan oleh semua orang atau oleh orang perseorangan yang

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Cf. *Reliance*, 33.

⁶⁰ Ibid.

tertentu. Kemaslahatan masyarakat akan terlaksana dengan tertegaknya kewajiban tersebut menerusi sebahagian mukallafin dan tidak perlu kepada tiap-tiap mukallaf.⁶¹

Seseorang yang memiliki keupayaan sendiri atau kewangan untuk melaksanakan kewajiban menuntut ilmu fardu kifayah, maka wajiblah untuk dia mengerjakannya. Sekiranya hanya ada seorang individu untuk melaksanakan kewajiban fardu kifayah, maka ke atas individu itu, kewajiban tersebut adalah fardu ayn. Bahkan, seseorang yang tidak berkeupayaan pun wajib untuk mendorong dan memberi anjuran terhadap kalangan yang berkeupayaan untuk melaksanakannya.

Sekiranya kewajiban menuntut ilmu fardu kifayah dilalaikan, maka kalangan yang berkeupayaan berdosa kerana mengalpakan kewajiban yang mereka berkuasa untuk melaksanakannya, dan kalangan yang tidak memiliki keupayaan berdosa kerana lalai dalam mendorong dan memberi anjuran terhadap kalangan yang berkeupayaan tadi.⁶²

Kesimpulan

Masalah-masalah seperti “terlampau banyak maklumat” dan “lebih muatan maklumat” yang dibawa oleh zaman letupaninformasi menuntut kefahaman mengenai perbezaan antara maklumat dengan kebijaksanaan (*Hikmah*). Dalam pandangan alam Islam, kebijaksanaan akan menerbitkan *adab* terhadap ilmu yang sebenar, selaras dengan perbezaan antara ilmu *fardu ‘ayn* dengan ilmu *fardu kifayah*, yang keduanya terangkum dalam kesatuan ilmu-ilmu Islam.

⁶¹ Ibid.

⁶² Ibid.